

Didera ibu tiri guna gunting

» *Kanak-kanak 9 tahun sering dipukul sejak 3 tahun lalu*

Oleh **Zatul Iffah Zolkipli**
bhkt@bh.com.my

► **Kuala Terengganu**

Seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun dari Dungun, dipercayai didera ibu tirinya sejak tiga tahun lalu termasuk menggunakan gunting dalam kejadian terbaru, Sabtu lalu.

Perbuatan wanita warga Filipina itu terbongkar selepas

kecederaan budak itu disedari oleh guru mangsa, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu, Asisten Komisioner Wan Abd Aziz Wan Hamzah, berkata guru mangsa yang mendapati muridnya mengalami kecederaan di anggota badan, membawa budak itu ke klinik kesihatan untuk pemeriksaan.

Ada kesan luka di perut

Katanya, doktor yang memeriksa budak itu mengesahkan ada kesan luka di perut kiri dan parut lama di tangan kanan mangsa.

“Mangsa memberitahu ibu tirinya mencederakannya menggunakan gunting pada Sabtu lalu.

“Kanak-kanak itu turut me-

ngakui ibu tirinya sering memukulnya selepas bapanya berkahwin dengan wanita itu kira-kira tiga tahun lalu,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri di sini, semalam.

Berikutan itu, kanak-kanak berkenaan dihantar ke Hospital Dungun untuk pemeriksaan lanjut.

Wan Abd Aziz berkata, bertindak daripada maklumat itu, polis menahan ibu tiri mangsa berusia 30 tahun di rumahnya di Dungun bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

“*Mangsa memberitahu ibu tirinya mencederakannya menggunakan gunting pada Sabtu lalu. Kanak-kanak itu turut mengakui ibu tirinya sering memukulnya selepas bapanya berkahwin dengan wanita itu tiga tahun lalu*”

Wan Abd Aziz Wan Hamzah,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu